## Lampiran 2

Perubahan Jadual Caruman Sijil Perubatan Takaful untuk<PPR / Standalone Plan>
Soalan-soalan Lazim

| NO | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1. | Mengapa jadual caruman perubatan saya diubahkan? | Kami memahami bahawa kenaikan caruman perubatan boleh terasa lebih membebankan apabila umur semakin meningkat. Untuk membantu memastikan perlindungan anda kekal mampu milik dan menyokong perancangan kewangan jangka panjang anda, kami memperkenalkan struktur caruman perubatan yang baharu. Bermula dari umur 60 tahun, caruman perubatan akan diselaraskan dalam jumlah yang lebih kecil dan dalam setiap tahun, berbandingkan dengan peningkatan caruman yang lebih mendadak setiap beberapa tahun.<br><br>Jangan bimbang, perubahan ini tidak akan merugikan anda. Jumlah caruman perubatan anda untuk tempoh perlindungan yang tinggal tidak akan melebihi jumlah di bawah jadual caruman semasa.(Ini tidak mengambil kira sebarang pengkadaran semula caruman pada masa hadapan).<br><br>Di Zurich Takaful Malaysia Berhad ("Zurich Takaful"), kami komited untuk memastikan anda terus mendapat akses kepada perkhidmatan dan rawatan perubatan berkualiti apabila diperlukan |
| 2. | Bagaimanakah caruman baharu ditentukan? | Untuk caruman perubatan anda selepas umur 60 tahun, kami memastikan bahawa sebarang kenaikan dari tahun ke tahun tidak melebihi 10%. Kami juga memastikan bahawa jumlah caruman perubatan anda untuk tempoh perlindungan yang tinggal tidak akan melebihi jumlah di bawah jadual caruman semasa.(Ini tidak mengambil kira sebarang pengkadaran semula caruman pada masa hadapan). |
| 3. | Bilakah caruman baharu akan berkuatkuasa? | Caruman baharu akan berkuatkuasa pada tarikh ulangtahun sijil yang seterusnya, seperti yang dinyatakan dalam surat pemberitahuan anda. |
| 4. | Walaupun tiada pengkadaran semula untuk pelan perubatan takaful saya kali ini, adakah kemungkinan semakan semula akan dilakukan pada masa hadapan? | Kami akan terus menyemak semula pelan perubatan kami terhadap kos penjagaan kesihatan dari masa ke semasa dan berusaha untuk mengawal kos penjagaan kesihatan dengan panel hospital kami. Jika terdapat keperluan untuk pengkadaran semula pada masa hadapan, kami akan maklumkan anda sewajarnya. |
| 5. | Bagaimanakah jika saya memerlukan bantuan lanjut? | Sekiranya anda memerlukan bantuan selanjutnya, sila:<br>• menghubungi Pusat Panggilan Zurich di 1-300-888-622<br>• emel kami di callcentre@zurich.com.my<br>• menghubungi Perancang Kewangan anda<br>• melawat cawangan terdekat Zurich Takaful |

6. **Bagaimanakah saya boleh membuat caruman baharu? Apakah prosedur yang perlu diikuti?**

Bergantung kepada kaedah pembuatan caruman semasa anda, anda mungkin perlu merancang lebih lanjut dengan bank anda untuk kami mengutip jumlah baharu daripada anda. Sila rujuk jadual di bawah untuk maklumat lanjut.

| Kaedah Pembuatan Caruman Semasa | Apakah tindakan yang perlu saya buat? |
|---|---|
| Kad Kredit atau Debit, Debit Auto (Tanpa had jumlah urusniaga) | Tiada perubahan kepada perancangan pembayaran semasa anda. |
| Direct Debit e-Mandate (Dengan had jumlah urusniaga) | Untuk pendaftaran baru, sila lengkapkan Borang Pendaftaran Debit Terus melalui https://mya.zurich.com.my/AdhocPayment/Page/DirectDebitRegistration.aspx. Ini akan membolehkan kami membuat potongan jumlah caruman baharu yang dicadangkan daripada akaun bank anda.<br><br>Untuk pelanggan berdaftar, jika had maksimum akaun bank dinyatakan dalam borang debit auto anda kurang daripada jumlah caruman baharu dicadangkan, anda boleh menukar had maksimum melalui:<br><br>1) Log masuk ke portal pelanggan kami di https://myzurichlife.com.my atau<br>2) menghantar borang baharu kepada bank untuk menukar had maksimum. |
| Arahan Tetap dengan Bank | Sila rancang dengan bank anda untuk mengubah Arahan Tetap sedia ada agar jumlah caruman baharu dapat dihantar kepada kami pada setiap tahun. |